

MAJLIS MAKAN BERADAT PTTK WISMA BINTARA TUDM 2019

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5592-majlis-makan-beradat-pttk-wisma-bintara-tudm-2019

KUANTAN, 1 Nov 19 – 511 Pegawai Tidak Tauliah Kanan (PTTK) TUDM seluruh Malaysia hadir ke Majlis Makan Beradat PTTK Wisma Bintara TUDM bagi tahun 2019 yang diadakan di Bukit Gambang Resort City.

Majlis diserikan dengan kehadiran Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Pegawai-pegawai Kanan TUDM serta mantan-mantan Pegawai Waran TUDM.

Majlis Makan Beradat merupakan salah satu budaya rejimental yang bertujuan memupuk sikap menghormati dan saling menghargai antara satu sama lain. Selain itu, ianya juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di antara pucuk pimpinan tertinggi TUDM bersama PTTK Wisma Bintara TUDM.

Majlis turut memberi perhargaan kepada anggota yang bakal bersara serta mantan Pegawai Waran TUDM atas jasa dan bakti yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan mereka.

Di akhir majlis, Pegawai Waran TUDM, PW U I Mohamad Lockman bin Abdul Jabar telah menyampaikan cenderahati kepada Panglima Tentera Udara atas kesudian menghadiri majlis tersebut.





